

16 OCT 2003

OIC-Putin/I

PUTIN BERTERIMA KASIH KEPADA M'SIA TERHADAP JEMPUTAN KE SIDANG OIC

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir Putin melakar kehadiran bersejarahnya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini dengan ucapan yang membayangkan kerjasama lebih rapat antara negaranya dengan OIC.

Katanya beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengerusi sidang kemuncak itu, kerana menjemput beliau menghadiri majlis perasmian perhimpunan terbesar para pemimpin Islam itu di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Semasa mengalu-alukan para pemimpin itu dalam ucapannya pada sidang kemuncak berkenaan, Dr Mahathir berkata sama ada mereka orang Islam atau tidak, kehadiran mereka pada persidangan itu akan membantu ke arah pemahaman yang lebih mendalam mengenai Islam dan umat Islam, oleh itu membantu menyangkal tanggapan bahawa Islam ialah satu agama yang mnudur dan ganas.

Selain Putin, Dr Mahathir telah menjemput Presiden Filipina Gloria Arroyo dan Sri Lanka yang diwakili Menteri Pembangunan Pelabuhan dan Perkapalan, Pembangunan Timur dan Hal Ehwal Islam Rauf Hakeem.

Sidang Kemuncak itu, yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik, telah menarik kehadiran jumlah terbesar pemimpin Islam, 33 orang, sejak penubuhan OIC dengan 57 anggota itu pada 1969. Negara anggota lain menghantar wakil masing-masing.

Putin tiba di Lapangan terbang Antarabangsa KL di Sepang dekat sini pada pukul 5 pagi ini khusus untuk menghadiri perasmian sidang kemuncak itu dan mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir.

Bercakap dalam bahasa Rusia, Putin menarik perhatian kepada pembangunan masyarakat Islam di Rusia yang dilaporkan berjumlah kira-kira 20 juta orang.

Beliau berkata daripada 870 buah masjid pada 1991, kini terdapat lebih daripada 7,000 masjid di Rusia.

Dr Mahathir semasa lawatannya ke Rusia tahun lepas, berpeluang menunaikan sembahyang Jumaat di masjid terbesar Moscow dan mengadakan pertemuan dengan para pemimpin Islam di sana.

Putin turut menyentuh isu ancaman keganasan dengan mengatakan penganas tidak patut dikaitkan dengan mana-mana agama, tradisi budaya atau cara hidup.

"Saya ingin menyatakan kepada anda semua: bagi rakyat kami, umat Islam di Rusia adalah komponen penting dalam negara kami yang terdiri daripada pelbagai kaum.

"Dan kami melihat kekuatan dalam keharmonian antara agama itu. Kami melihat betapa penting dan besar nilai dan manfaatnya," kata Putin.

Beliau berkata kerjasama Moscow dalam kerangka OIC boleh menjadi satu elemen penting ke arah dunia yang adil dan selamat, yang mampu menyelesaikan banyak masalah antarabangsa dan agama tanpa konflik.

"Kombinasi kewangan, teknologi dan sumber manusia kita mampu menjadi satu faktor utama dalam politik antarabangsa, satu permulaan kepada kejayaan cemerlang dalam ekonomi dunia," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AZZ JK MOZ